

Headline	Perang terhadap dadah masih gagal		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	27 Jun 2012	Color	Black/white
Section	DUNIA	Circulation	37,981
Page No	d11	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	194 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 441
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,323



Perang terhadap dadah masih gagal

LONDON, Selasa — Kumpulan yang memberi tekanan termasuk enam bekas presiden hari ini meminta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mengakui bahawa "kelemahan penguatkuasaan undang-undang dadah" telah menggalakkan wabak HIV/AIDS.

"Perang ke atas dadah" global telah memaksa para penggunanya menjauhkan diri daripada rawatan dan terjerumus ke dalam persekitaran yang mana risiko jangkitan HIV adalah tinggi, kata Global Commission on Drug Policy (GCDP).

Dalam laporannya yang diterbitkan hari ini, panel tersebut menggesa PBB untuk "mengakui dan menangani akibat yang dikaitkan dengan perang ke atas dadah dan penularan HIV/AIDS dan keganasan pasaran dadah".

Ia juga membentangkan bukti bahawa

penguatkuasaan undang-undang yang agresif telah mewujudkan halangan untuk merawat HIV.

"Implikasi kesihatan awam daripada gangguan rawatan HIV akibat daripada taktik penguatkuasaan undang-undang, tidak diiktiraf dengan sewajarnya sebagai penghalang kepada usaha untuk mengawal penularan HIV/AIDS global," katanya.

GCDP adalah sebuah panel ahli politik, penulis dan ahli perniagaan yang menyokong menyahjenayahkan dadah yang digunakan oleh mereka "yang tidak mendatangkan mudarat kepada yang lain". Ahli-ahli GCDP termasuk enam bekas presiden, empat daripada mereka adalah dari Amerika Latin: Ernesto Zedillo dari Mexico, Fernando Henrique Cardoso dari Brazil, Ricardo Lagos dari Chile dan Cesar Gaviria dari Colombia.

Gaviria yang mengetuai Colombia apabila polis menembak mati pengendali dadah terkenal Pablo Escobar pada 1993.

Penyokong lain termasuk bekas ketua dasar luar Kesatuan Eropah Javier Solana dan George Shultz, yang berkhidmat sebagai setiausaha negara Amerika Syarikat (AS) semasa era pentadbiran presiden Ronald Reagan.

Laporan itu menuduh AS, Rusia dan Thailand mengabaikan bukti saintifik tentang hubungan antara penguatkuasaan undang-undang dan kadar HIV memberi akibat yang buruk.

Peningkatan kehadiran dadah di seluruh dunia membuktikan bahawa strategi telah mengalami kegagalan, tambahnya.

"Perang ke atas dadah telah gagal, dan berjuta-juta jangkitan baru HIV dan kematian akibat AIDS boleh dielakkan jika tindakan diambil sekarang." -AFP